

19/06/1999

Penuntut tidak mahu memihak

PEMIMPIN pelajar tiga universiti awam tempatan tidak bersetuju hasrat Umno untuk mendekati pelajar pusat pengajian tinggi jika tindakan itu membabitkan penggunaan kampus sebagai gelanggang bagi meraih sokongan untuk parti berkenaan.

Presiden Persatuan Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia, Faizal Mahamud, berkata tindakan itu bertentangan dengan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) yang melarang pelajar pusat pengajian tinggi membabitkan diri atau cenderung kepada sebarang parti politik.

Katanya, jika Umno dibenarkan menggunakan kampus untuk tujuan itu, pihak universiti terpaksa membenarkan parti pembangkang juga berbuat demikian.

Sehubungan itu, beliau mencadangkan supaya Umno menggunakan pendekatan lain untuk mendekati pelajar pusat pengajian tinggi bagi membolehkan memahami perjuangan bagi berkenaan.

"Pelajar seharusnya diberi kebebasan untuk menentukan sendiri pendirian politik masing-masing tanpa dipengaruhi mana-mana parti sewaktu mereka masih di pusat pengajian tinggi.

"Sebenarnya kita tidak boleh memaksa seseorang pelajar untuk meminati dan memahami perjuangan dan sumbangan sesebuah parti. Itu adalah hak peribadi masing-masing.

"Usaha untuk memahami sesebuah parti akan dilakukan jika pelajar berminat dan ini bergantung kepada pendekatan dan pencapaian sesebuah parti politik," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengulas kenyataan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menasihatkan pemimpin dan ahli parti itu supaya sentiasa mendekati rakyat, khususnya pelajar pusat pengajian tinggi bagi membolehkan mereka memahami perjuangan parti itu.

Presiden Persatuan Mahasiswa Universiti Sains Malaysia, Mohd Fairoz Mat Jusof, pula berkata tanggapan bahawa pelajar pusat pengajian tinggi mudah terpengaruh dan diperalatkan oleh pihak pembangkang adalah tidak berasas kerana mereka membuat penilaian sendiri terhadap situasi politik negara ini.

"Yang kita nampak sekarang ialah cubaan untuk menerangkan secara lebih jelas tentang perjuangan parti dan mungkin juga meraih sokongan sebelum pelajar menamatkan pengajian masing-masing.

"Jika dilihat dari sudut intelektual, pelajar sudah matang dan boleh menilai sendiri kebenaran, kesungguhan serta keikhlasan perjuangan sesebuah parti politik," katanya.

Menurutnya, pelajar pusat pengajian tinggi tidak disogok dengan maklumat mana-mana parti politik kerana mereka dilarang terbabit dalam sebarang aktiviti politik sebelum menamatkan pengajian.

Malah, beliau mencadangkan supaya langkah dibuat untuk mendapatkan pandangan pelajar pusat pengajian tinggi mengenai kepimpinan sesebuah parti serta punca mereka menyokong atau membangkang kepimpinan sekarang.

Presiden Persatuan Mahasiswa Universiti Utara Malaysia, Mohd Tarmizi Yahaya, bersetuju bahawa pelajar perlu didedahkan dengan perkembangan politik semasa sejak awal supaya tidak berlaku kepincangan kepimpinan pada masa akan datang.

Bagaimanapun, katanya, jika pimpinan dan ahli Umno dibenarkan bertemu pelajar untuk menerangkan mengenai perjuangan mereka, pemimpin parti politik lain juga patut diberi kebenaran yang sama.

(END)

